


سوارا مسجد العظيم
**Suara
Masjid
Al-Azim**



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 9/1/2009

TUAN HJ. MOHAMMAD BIN HASHIM - IMAM BESAR

USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASARI - BILAL

(Tajuk Khutbah : Membina Azam Dan Semangat Dalam Menyambut Tahun Baru)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.53	7.16	1.17	4.41	7.16	8.30	5.43

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 1/2009

Tarikh: 2 Januari 2009 / 5 Muharam 1430H

PERCUMA

Tazkirah

KEDUDUKAN SENAMAN YOGA DI KALANGAN UMAT ISLAM

1. Tujuan

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka untuk mendapatkan pandangan dan keputusan fatwa mengenai cadangan pewartaan fatwa kedudukan senaman yoga di kalangan umat Islam.

2. LATARBELAKANG

2.1 Kertas **kedudukan senaman yoga di kalangan umat Islam** ini telah dibentang, dibincang dan diputuskan dalam **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83** pada 22 hingga 24 Oktober 2008 di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan.

ASAS-ASAS PERTIMBANGAN / HUJAH DAN DALIL

3.1. Pengertian Yoga

Yoga ialah perkataan Sanskrit yang mempunyai banyak makna. Ia berasal daripada bahasa Sanskrit yuj, **bermaksud mengawal, menyambung atau menyatu**. Yoga dari segi istilah ialah "union; kesatuan; sambungan atau 'kuk' roh individu dengan roh alam semesta; penyatuan dengan roh Ilahi.

3.2. Sumber Ilmu Yoga

3.2.1. Pengajaran Yoga terdapat di dalam kitab suci agama Hindu 'Bhagavad Gita', Nama 'Bhagavad Gita' bermaksud "lagu tuhan", dan Bhagavat merupakan gelaran Krishna. Dalam konteks Bhagavad Gita, perkataan 'Yoga' memerihalkan satu pandangan bersatu, ketenangan fikiran, kemahiran bertindak, serta keupayaan untuk mengekalkan penyesuaian dengan kemuliaan Diri (Atman), dan yang mempunyai intipati

yang sama dengan asas Kewujudan (Brahman).

3.2.2. Menurut Bhagavad Gita, tujuan hidup adalah untuk membebaskan fikiran dan intelek daripada kerumitan masing-masing, dan untuk menumpukan kedua-dua ini kepada kemuliaan diri melalui **penujuan tindakan kepada Tuhan**. Tujuan ini dapat dicapai melalui **yoga-yoga tafakur, tindakan, pengabdian, dan pengetahuan**. Gita memerihalkan bahawa Yoga yang terbaik ialah **yoga yang sentiasa berfikir dalam-dalam tentang Tuhan**. Krishna meringkaskan Yoga dalam lapan belas bab. Terdapat empat jenis Yoga iaitu Raja Yoga atau Tafakur Psikofizikal, Bhakti Yoga atau Pengabdian, Karma Yoga atau Tindakan Tanpa Mementingkan Diri dan Jnana Yoga atau Pengetahuan Mengatasi Diri.

3.2.3. Setiap laluan berbeza, tujuan asas masing-masing adalah sama sahaja, iaitu untuk menyedari bahawa: Brahman (**Intipati Ketuhanan**) merupakan kebenaran tunggal, badan mempunyai batas waktu dan Tuhan Yang Maha Agung (paramatman) adalah tidak terhad.

3.2.4. Tujuan Yoga (nirvana atau moksha) adalah untuk melepaskan diri daripada kitaran penjelmaan semula melalui kesedaran perpaduan dengan kebenaran muktamad. Terdapat tiga peringkat dalam kesedaran diri yang diberikan dalam Bhagavad Gita iaitu; Brahman: tenaga sejagat yang tidak bersifat peribadi, Paramatma: Tuhan yang berada di pusat setiap hidupan, Bhagavan: Tuhan sebagai satu personaliti, dengan bentuk transendental.

Acara-Acara Sambutan MAAL HIJRAH 1430H/2008M Peringkat Negeri Melaka

TARIKH	ACARA	TEMPAT	MASA
26 Dis 2008	Khutbah Khas Maal Hijrah 1430H	Masjid Seluruh Negeri Melaka	1.14 ptg.
28 Dis 2008	Majlis Perasmian Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Melaka Tahun 1430H/2008M	Dewan Solat Masjid Al-Azim	6.00 ptg.
29 Dis 2008	Lawatan Y.A.B. Ketua Menteri Melaka dan Y.A.Bhg. Datin Seri Datuk Wira Hj. Asmah binti Abdul Rahman ke wad bersalin Hospital Melaka	Hospital Melaka	10.00 pg.
2 Jan 2009	Kempen Derma Darah	Ruang Legar Kompleks Al-Azim Fasa II	9.00 pg.
3 Jan 2009	Forum Perdana Sempena Maal Hijrah - Ustazah Zawiah binti Hasan - Ustaz Shahrin bin Md. Jamaludin - Tn. Hj. Sulaiman bin Daud	Dataran Kompleks Islam Melaka, Bukit Palah	8.30 mlm.
9 Jan 2009	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Alor Gajah	Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kuala Linggi	3.30 ptg.
9 Jan 2009	Forum Perdana Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Alor Gajah - Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail - Mej. Gen. Datuk Hj. Jamil Khir bin Hj. Baharom - Datuk Hj. Ahmad Mustafa bin Hj. Karim	Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kuala Linggi	8.45 mlm.
15 Jan 2009	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Melaka Tengah	Akan ditetapkan kemudian	6.45 ptg.
16 Jan 2009	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Jasin	Masjid Al-Ghaffar, Jasin	8.00 mlm.
17 Jan 2009	Lawatan Y.A.Bhg. Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim	Rumah Anak Yatim Darul Aitam, Bukit Pegoh	10.00 pg.
4 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Kota	Masjid Bakar Batu, Bachang	8.30 mlm.
11 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Jasin	Masjid Rim, Jasin	8.30 mlm.
17 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Masjid Tanah	Masjid Ayer Limau, Masjid Tanah	8.30 mlm.
18 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Alor Gajah	Masjid Klemak, Alor Gajah	8.30 mlm.
22 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Bukit Katil	Masjid Ubudiyah, Ayer Keroh	8.30 mlm.
23 Jan 2009	Ceramah Perdana Parlimen Tangga Batu	Pentas Budaya Pantai Puteri	8.30 mlm.

< < sambungan dari m/s 1

3.3. Yoga Menurut Agama Bukan Islam

3.3.1. **Yoga Hindu:** Mengatakan bahawa kita boleh bersatu dengan Tuhan semasa Roh masih ada dalam badan, semasa seseorang itu masih hidup di dunia ini. Selepas matinya seseorang itu dia akan hidup semula ke dalam jasad lain. Keadaan ini berterusan sehingga sampai ke tahap suci yang layak bersatu dengan Tuhan-Brahma. Jalan keluar daripada dukkha dan samsara yang berterusan ini hendaklah belajar cara-cara mengamalkan Yoga yang betul.

3.3.2. **Yoga Buddha:** Hasil daripada pertapaannya, Gautama Buddha mendapat Kegemilangan Rohaniah (Enlightened). Hasil daripada terlepas dirinya daripada kenyataan hidup di dunia ini yang tidak lain daripada

• dukkha dan samsara.

• 3.3.3. **Yoga Yahudi:** Yahudi juga ada Yoga. Mereka menggunakan cara yang sama seperti latihan bernafas, membaca mantra dan melakukan kedudukan badan yang berbagai digelar Asana demi hendak mencapai sejenis keadaan kesedaran (consciousness).

• 3.3.4. **Yoga Kristian:** Matlamat Yoga Kristian ialah "Kesatuan Roh dengan Tuhan", bererti Yoga sesuai dengan Kristian. Yoga Kristian mengatakan bahawa kita Bersatu dengan Allah selepas mati. Manakala Yoga Hindu mengatakan bahawa kita boleh bersatu dengan Allah semasa Roh masih ada dalam badan, semasa seseorang itu masih hidup di dunia ini.

Bersambung di minggu hadapan

Sambungan dari minggu yang lepas

15. Nabi Musa Di Hadapan Firaun

Nabi Musa dan Harun menemui Firaun. Kedua-duanya berkata kepada Firaun dengan perkataan yang lemah lembut dan mengajaknya menyembah Allah S.W.T. Tuhan semesta alam. Kedua-duanya sering melakukan pertemuan dengan Firaun dan melakukan dialog dengannya.

"Siapakah Tuhan kamu?" Tanya Firaun.

"Tuhan kami adalah Allah S.W.T. yang telah memberikan segala sesuatu bentuk kejadiannya, kemudian memberinya petunjuk," jawab Musa.

Setelah tidak kuat lagi mendebat Musa, Firaun meminta kepada ketua menteri Haman, untuk membuatkan gedung yang tinggi agar dapat melihat Tuhan Musa yang berada di langit. Firaun mengingatkan (mengolok-olok) Musa tentang jasa-jasanya sewaktu Musa masih kecil dan tentang pembunuhan yang telah dilakukan Musa terhadap penduduk Mesir.

Firaun sombong dan tidak mahu menerima kebenaran yang diseru oleh Nabi Musa. Dia menuntut Musa agar mendatangkan bukti kebenaran dakwahnya. Musa melemparkan tongkat yang dipegangnya. Tongkat yang dilemparnya berubah menjadi ular besar. Melihat ular itu, para pegawai dan orang-orang yang ada di sekitar Firaun menjadi gementar. Nabi Musa menangkap kembali ular itu dan berubah menjadi tongkat seperti asal. Kemudian Nabi Musa memasukkan tangannya ke dalam saku bajunya dan menariknya kembali. Ketika itu tangannya nampak putih memancarkan keindahan cahaya. Lingkungan yang mereka tempatkan itu dipenuhi oleh cahaya tangan Nabi Musa. Akan tetapi, Firaun tetap takbur dan berkuasa. Dia tidak mendengar panggilan kebenaran. Nabi Musa dan Harun tetap sabar dalam menghadapi Firaun. Kedua-duanya masih berharap agar Firaun mahu sedar dan takut kepada Allah S.W.T.

16. Nabi Musa dan Para Penyihir Firaun

Firaun menganggap apa yang dilakukan oleh Nabi Musa dengan tongkatnya dan tangannya sebagai sihir. Nabi Musa mengundang para penyihir yang paling pandai dari seluruh negeri untuk melawan Nabi Musa. Waktu yang dijadualkan bertepatan dengan salah satu Hari Raya Firaun yang penting. Pada waktu itu, orang-orang dikumpulkan untuk menyaksikan kekalahan dan kebohongan sihir Nabi Musa.

Para penyihir datang dengan membawa banyak tangkal dan tongkat. Orang-orang berdesak-desakan menonton di lapangan pertandingan. Para tukang sihir

Pelajaran Tiga Ratus Lapan Puluh Sembilan

التَّعَرُّفُ بِالصَّلَاةِ

MENGENALI SOLAT

مَجْدِي : مَتَى نُصَلِّي ؟

Majdi: Bilakah kita bersolat?

لُقْمَانُ : إِذَا دَخَلَ الْوَقْتُ وَأَذَّنَ الْمُؤَذِّنُ.

Luqman: Apabila masuk waktu dan muazzin melaungkan azan.

مَجْدِي : قَبْلَ الصَّلَاةِ، مَاذَا تَفْعَلُ ؟

Majdi: Sebelum solat, apakah yang awak lakukan?

لُقْمَانُ : أَتَوَضَّأُ وَأَغْتَسِلُ نَفْسِي.

Luqman: Saya berwuduk dan menyucikan diri.

Kamus : **المُعْجَمُ**

لُمُؤَذِّنٌ : Muazzin/tukang azan

تَوَضَّأُ، أَغْتَسِلُ : Saya berwuduk @ bersuci

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengaroh JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG

Ustaz Hasbulah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kulia Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kulia Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < < sambungan dari m/s 3

meminta kepada Firaun agar diberi upah dan balasan yang setimpal jika mereka mengalahkan Nabi Musa. Firaun menyetujui permintaan itu dan berjanji akan memberi hadiah yang banyak dan jawatan yang terhormat. Para penyihir bertanya kepada Nabi Musa apakah mereka melempar tongkat pertama kali atau Musa yang melempar pertama kali. Nabi Musa berkata kepada mereka: "Kalian dulu yang melempar tongkat." Lalu para penyihir melempar tongkat-tongkat dan tangkal-tangkal mereka di atas bumi sehingga berubah menjadi ular. Para penonton takut melihat ular-ular itu. Terbayangkan oleh Musa ular-ular itu berjalan. Dia juga merasa takut.

Allah S.W.T. memerintahkan Nabi Musa untuk tetap tegar dan tidak takut kerana dialah yang akan memenangkan pertandingan. Mereka hanya menggunakan sihir yang bersifat menipu penonton. Tukang sihir tidak akan menang, dari mana saja mereka datang.

17. Para Penyihir Tunduk Kepada Nabi Musa

Nabi Musa melemparkan tongkatnya, lalu tongkat itu berubah menjadi ular yang memakan semua ular-ular yang dibuat para penyihir. Melihat itu, para penyihir tersungkur bersujud. Mereka mengatakan: "Kami beriman kepada Tuhan Harun dan Musa."

Firaun menjadi marah. Dia menakut-nakutkan para penyihir dengan adanya seksa mati dan penyaliban mereka pada pohon-pohon kurma agar menjadi penga-

jaran bagi orang yang tidak mentaatinya. Para penyihir itu sama sekali tidak menghirau ancaman Firaun, bahkan mereka menghinanya. Mereka berkata: "Sesungguhnya kamu berkuasa kepada kami di dunia saja."

Atas anugerah Allah S.W.T. Nabi Musa mengalahkan Firaun di depan penonton yang jumlahnya ramai sekali. Oleh kerana itu, ramai orang yang beriman kepada Nabi Musa.

Allah S.W.T. telah menyatakan kepada Nabi Musa bahawa Dia akan menolongnya dengan sembilan mukjizat. Di antara mukjizat itu adalah tongkat yang dapat berubah menjadi ular dan tangan yang dapat memancarkan cahaya. Adapun yang lain berupa musibah.

Penduduk Mesir mengalami berbagai musibah. Di antara musibah itu adalah kemarau, gagal memungut hasil, banjir akibat limpahan Sungai Nil, gangguan belalang, katak menjajah manusia hingga ke bilik tidur, kutu yang menggigit ke seluruh tubuh dan darah yang keluar berterusan dari hidung.

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

26.12.2008 - RM 5,822.90

PERINGATAN :
SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI